

24 FEB 1996

DR MAHATHIR BERLEPAS KE JEPUN

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Tokyo malam ini untuk lawatan kerja tiga hari ke Jepun.

Perdana Menteri dijangka melawat syarikat-syarikat berteknologi tinggi dan juga bertemu dengan ahli-ahli perniagaan Jepun.

Yang turut hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur untuk mengucapkan selamat jalan kepada beliau ialah Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Dr Mustapa Mohamed dan Timbalan Menteri Dalam Negeri Megat Junid Megat Ayob. -- BERNAMA

MGM PR